

TERIMA KASIH, CIKGU!

Oleh

**Azman Bin Ariffin
Zaleha Binti Fadzil**
*Institut Perguruan Batu Lintang,
Jalan College,
93200 Kuching, Sarawak.*

Abstrak

Kajian ini dijalankan untuk menambahbaik amalan pengajaran dan pembelajaran kami dengan pengenalan beberapa siri tindakan untuk membolehkan pelajar-pelajar kami dari kumpulan PPISMPMT untuk mengucapkan terima kasih. Kami telah menggunakan borang pemerhatian sebelum dan semasa melaksanakan siri tindakan kami. Kami juga menggunakan borang maklum balas agar partisipan kajian ini dapat menjelaskan tindakan-tindakan mereka. Kajian ini mendapati pelajar-pelajar kumpulan ini merupakan pelajar-pelajar yang baik dari segi tingkah laku dan sahsiah tetapi kurang dititik berat dan diingatkan tentang nilai 'berterima kasih' ini. Pada peringkat awal kajian, didapati mereka agak janggal apabila ditegur oleh pengkaji. Namun, dengan siri tindakan kami, mereka memberi respons yang positif dan mula menunjukkan amalan nilai murni ini.

TINJAUAN


Kami, pensyarah di Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Institut Perguruan Batu Lintang, merupakan dua orang pengkaji yang mengajar mata pelajaran Pendidikan Moral Dinamika kepada pelajar-pelajar kumpulan Program Pra Ijazah Sarjana Muda Pengajaran kumpulan MT (PPISMPMT). Sebagai pendidik, kami sentiasa berharap dan berdoa agar pelajar-pelajar PPISMPMT yang kami didik akan menjadi insan guru yang berakhlaq mulia dan mengamalkan nilai-nilai murni. Pendidikan Moral adalah salah satu mata pelajaran yang kami ajar dan merupakan medan utama untuk kami menerap nilai-nilai murni. Memandangkan peluang dan kesempatan lain sangat kurang maka proses pengajaran dan pembelajaran (p&p) perlu dimanfaatkan sepenuhnya. Namun, setelah beberapa kohort guru pelatih telah berakhir, kami masih belum berpuashati dengan beberapa amalan nilai yang amat mudah dilakukan tetapi diabaikan oleh sebahagian pelatih iaitu 'amalan berterima kasih'.

FOKUS KAJIAN

Melalui pemerhatian semasa p&p dalam kalangan kumpulan pelajar PPISMP yang sama-sama kami ajar, kami dapati hampir separuh kelas

(yang terdiri daripada 20 orang pelajar) tidak mahu atau malas untuk memberi ucapan **terima kasih** setelah selesai satu-satu sesi pembelajaran.

Pengkaji Pertama (Azman) mengumpul data peringkat pra kajian melalui pemerhatian terhadap amalan berterima kasih semasa mengajar kumpulan partisipan mata pelajaran Moral Dinamika pada Semester 2 2006. Seterusnya, melalui perbualan tidak formal dengan beberapa orang pensyarah lain yang juga mengajar kumpulan ini, saya (Zaleha yang merupakan pengkaji kedua) mendapati pandangan mereka sama seperti pemerhatian saya iaitu sebahagian partisipan tidak mengamalkan amalan ini secara konsisten dan sepatutnya. Hasil daripada pemerhatian kami telah menghasilkan juga analisis awal tentang amalan berkenaan berdasarkan kedudukan tempat duduk mereka dalam kelas. Rajah 1 menunjukkan analisis tersebut.



Rajah 1. Analisis pemantauan amalan nilai terima kasih partisipan mengikut kedudukan tempat duduk dalam kelas

Analisis pemantauan awal amalan nilai berterima kasih partisipan dibuat berdasarkan pemerhatian pengkaji. Ia dicatat pada borang (Rujuk Rajah 2).

Nama : Zaleha Binti Fadzil & Azman Bin Ariffin
 Institut : Institut Perguruan Batu Lintang, Kuching, Sarawak
 Fokus Kajian : Meningkatkan Amalan Bersopan-Santun – Ucapan Terima Kasih

Bil	Partisipan	Amalan Nilai Murni - Ucapan Terima Kasih	Catatan
1	Marcia	/	Peka dan sentiasa beri ucapan terima kasih
2	Angelo	X	Malas hendak bangun dan beri ucapan terima kasih
3	Christopher	X	Tidak mempedulikan pensyarah yang hendak keluar kelas dan terus menyambung kerja yang sedang dibuatnya
4	Andy	/	Sentiasa senyum dan bingkas bangun apabila pensyarah telah bersiap sedia untuk keluar dari kelas
5	Maria	/	Bangun secara perlahan-lahan seolah-olah dipaksa.
6	Julian	/	Bangun dan memberi ucapan
7	Susi	/	Bangun dan memberi ucapan
8	Robert	X	Tidak memperdulikan pensyarah yang hendak keluar kelas dan terus menyambung kerja yang sedang dibuatnya
9	Liza	X	Meneruskan kerja yang dibuat seolah-olah tidak ada apa yang berlaku
10	Daniela	/	Bangun dan memberi ucapan terima kasih
11	Mathew	X	Malas hendak bangun
12	Marrisa	/	Bangun dan memberi ucapan
13	Danish	X	Berkumpul di bahagian belakang kelas dan tidak hiraukan pensyarah, sebaliknya berborak dengan rakan yang lain
14	Ivan	X	Berkumpul di bahagian belakang kelas dan tidak hiraukan pensyarah, sebaliknya berborak dengan rakan yang lain
15	Baryl	X	Berkumpul di bahagian belakang kelas dan tidak hiraukan pensyarah, sebaliknya berborak dengan rakan yang lain
16	David	X	Berkumpul di bahagian belakang kelas dan tidak hiraukan pensyarah, sebaliknya berborak dengan rakan yang lain
17	Andy	/	Bangun dan mengucapkan terima kasih
18	Rubert	/	Bangun dan mengucapkan terima kasih
19	Louis	/	Bangun dan mengucapkan terima kasih
20	Johnny	/	Bangun dan mengucapkan terima kasih

Rajah 2. Pemerhatian ke atas pelajar PPISMPMT

Tujuan pemerhatian ini dijalankan ialah untuk melihat sejauh mana amalan ini diamalkan dan bagaimanakah caranya amalan ini boleh dipertingkatkan.

Seterusnya saya selaku pengkaji kedua meneruskan pemerhatian pada semester ketiga 2007 semasa mengajar mata pelajaran Kemahiran Berfikir kepada kumpulan pelajar ini. Memandangkan para pelajar secara umumnya telah masuk ke dalam kategori pelajar yang telah matang, majoriti tenaga pengajar atau pensyarah beranggapan amalan ini bukanlah menjadi masalah utama dalam proses p&p. Namun, amalan berterima kasih selepas sesuatu sesi p&p amat penting dalam amalan budaya ketimuran yang menjadi tunjang kepada keperibadian mulia dalam pembentukan modal insan. Oleh itu, fokus kajian kami ialah meningkatkan amalan bersopansantun iaitu 'Ucapan Terima Kasih' diberikan kepada pensyarah bukan sahaja selepas sesuatu proses p&p tetapi juga setiap masa dan di mana partisipan berada.

AMALAN

Guru merupakan agen perubahan penting dalam menyebarkan kurikulum kepada pelajar di sekolah. Guru juga merupakan titian antara hasrat dan realiti. Guru bertindak berpanduan pukal kurikulum bersulamkan kepercayaan, nilai dan sikap yang diamalkan. Oleh itu, kami merasakan jika amalan ini tidak diterap dan diamalkan dalam latihan perguruan, maka amalan ini akan lput dan akan memberikan kesan yang negatif kepada generasi akan datang.

Kebiasaan kami, kami melaksanakan p&p moral dinamika berdasarkan sukanan yang menekankan tentang pemahaman konsep moral dan nilai, teori-teori perkembangan dan sebagainya (Sukatan Pelajaran Pendidikan Moral, 2004). Kebiasaan amalan ucapan terima kasih, pengulangan dan latihan kepada amalan nilai ini tidak ditekankan memandangkan pelajar-pelajar ini telah melalui proses ini ketika di sekolah dan mereka dianggap telah matang. Pemikiran dan interaksi dengan nilai-nilai murni ini kadang-kadang dibincangkan dalam topik-topik tertentu. Namun, setelah beberapa kohort pelajar telah berlalu, didapati sebilangan pelajar tidak mengamalkan amalan nilai-nilai murni ini. Apa yang berlaku tidak memadai.

Bertitik-tolak dari sini, kami merasakan bahawa amalan berterima kasih dalam kalangan pelajar-pelajar PPISMPMT perlu diamalkan dalam kehidupan harian memandangkan mereka akan menjadi pendidik dan *role model* kepada murid-murid di sekolah nanti. Dorothy Emmet (1966) menyatakan bahawa nilai moral bukan sesuatu yang wujud tersendiri dan terperinci dalam satu kekosongan. Pada tahun 1979, beliau mengatakan bahawa manusia bergantung atas beberapa peraturan, adat, kebiasaan

masyarakat dan agama yang menolong mereka dengan lebih mudah membuat jangkaan tentang cara tingkah laku orang lain.

Oleh itu, dari segi prinsip, kami berpegang bahawa sesuatu amalan nilai perlu diperlazimkan agar sebatи dan mantap dalam diri seseorang individu itu. Ini sesuai dengan Teori Keperibadian Mulia (**Aristotle**) yang menekankan sifat peribadi untuk mencapai kehidupan yang baik dan pembentukan peribadi manusia secara beransur-ansur. Teori ini berkait rapat dengan "kaedah sikap baik" dan sifat-sifat seorang insan moral. Sifat-sifat ini tidak dipelajari melalui ajaran seorang guru tetapi menerusi latihan, tindakan-tindakan yang kerap diulang sehingga menjadi satu kebiasaan, menyenangkan serta menyeronokkan. Empat cara ciri keperibadian boleh ditekankan ialah melalui pembelajaran/latihan, kelakuan biasa yang ditonjolkan, sesuatu yang boleh diguna pakai dan membezakan dengan tabiat buruk/perangai jahat.

Berdasarkan teori-teori di atas, kami merancang beberapa pelan tindakan p&p menggunakan beberapa kaedah, teknik p&p dan alat bantu mengajar (ABM) yang sesuai serta selari dengan teori-teori yang menjadi sandaran agar tingkah laku yang diingini iaitu amalan berterima kasih akan terbentuk dan kukuh.

TUJUAN KAJIAN

Matlamat kajian ini ialah bagi meningkatkan amalan nilai murni pelajar-pelajar PISMPMT. Fokus kami ialah pada amalan penghayatan dan ucapan terima kasih selepas sesuatu sesi p&p dan ketika berada di sekitar Institut. Partisipan yang merupakan bakal guru diharap sedar akan pentingnya amalan nilai murni ini supaya dapat membentuk imej yang sesuai dalam diri mereka sebagai pendidik apabila mereka bertugas nanti.

PERSOALAN KAJIAN

Kajian yang dibuat ini cuba menjawab persoalan berikut.


1. Apakah tindakan-tindakan yang boleh kami ambil bagi meningkatkan amalan berterima kasih pelajar-pelajar PPISMPMT?
2. Bagaimanakah tindakan-tindakan yang diambil memberi kesan kepada peningkatan amalan berterima kasih pelajar-pelajar PPISMPMT?

METODOLOGI

Dalam melaksanakan kajian ini, kami menggunakan beberapa kaedah seperti pemerhatian dan pemantauan dengan menggunakan borang pra

pemerhatian untuk memantau tindakan, borang pemerhatian untuk memantau tindakan, senarai semak pemerhatian untuk memantau tindakan, borang zon kedudukan partisipan, kad busines dan rajah analisis data untuk mendapatkan data.

Sebelum kajian ini dilaksanakan, kami telah menyediakan kerangka kajian berpandukan rajah analisis data seperti yang digambarkan pada Rajah 3.



Rajah 3. Analisis Data

Langkah seterusnya ialah proses mengumpul data sebelum kajian tindakan dibuat. Data dikumpul melalui pemerhatian kami sendiri di dalam kelas dan

juga melalui temubual dengan pensyarah-pensyarah lain yang mengajar kumpulan PPISMP MT dari Januari, Februari dan Mac 2007. Antara instrumen yang digunakan ialah seperti yang ditunjukkan pada Rajah 4.

Nama : Zaleha Binti Fadzil & Azman Bin Ariffin
Institut : Institut Perguruan Batu Lintang, Kuching, Sarawak
Fokus Kajian : Meningkatkan Amalan Bersopan-Santun – Ucapan Terima Kasih

Bil	Partisipan	Amalan Nilai Murni-Ucapan Terima Kasih	Catatan
1			
2			
3			
4			
5			

Rajah 4. Borang prapemerhatian untuk memantau tindakan

Prapemerhatian dijalankan untuk melihat sejauh mana amalan berterima kasih kepada guru diamalkan oleh partisipan.

Rajah 5 pula merupakan borang pemerhatian yang digunakan semasa pelaksanaan tindakan kami.

Nama : Zaleha binti Fadzil & Azman bin Ariffin
Institut : Institut Perguruan Batu Lintang, Kuching, Sarawak
Fokus Kajian : Meningkatkan Amalan Bersopan-Santun: Ucapan Terima Kasih

Bil	Perkara	Soalan-soalan	Catatan
1	Di mana?	Dimanakah saya akan membuat pemerhatian?	Bilik darjah
2	Siapa?	Siapakah peserta yang hendak dibuat pemerhatian?	Pelajar-pelajar PPISMPMT
3	Apa?	Apakah tingkah laku yang hendak dibuat pemerhatian?	Amalan ucapan terima kasih.
4	Bila?	Bilakah pemerhatian akan dibuat?	Pra – Semester -1 2007 Pos – Hujung Semester 2 - 2007
5	Mengapa?	Mengapakah pemerhatian tingkah laku tersebut hendak dibuat?	Untuk melihat penghayatan dan amalan ucapan terima kasih dalam kalangan pelajar-pelajar PPISMPMT di IPBL.

Rajah 5. Borang pemerhatian untuk memantau tindakan

TINDAKAN

Setelah menyedari amalan sedia ada kami kurang berkesan dalam membentuk amalan berterima kasih para pelatih hasil daripada refleksi p&p kami, maka berdasarkan beberapa teori yang relevan, kami merancang beberapa kaedah, teknik dan ABM yang sesuai dan pelbagai dan melaksanakannya dalam satu semester. Selain itu, pengkaji juga cuba mengenal pasti tindakan-tindakan yang diambil dan melaksanakannya dalam satu semester. Antara tindakan yang telah diambil ialah :

- (i) memperuntukkan lima minit semasa permulaan p&p untuk penerapan nilai;
- (ii) mengadakan kempen penghayatan nilai murni melalui pertandingan melukis poster; dan
- (iii) melalui tayangan video yang ada unsur-unsur yang memandu ke arah penaakulan nilai-nilai murni. Nilai yang difokuskan ialah nilai berterima kasih.

Bagi memantapkan lagi kajian ini, pengkaji telah melaksanakan kajian secara berperingkat-peringkat. Kajian yang dirancang dijalankan dalam jangka masa empat dan setiap minggu pula melibatkan satu jam. Rajah 6 menunjukkan pelaksanaan kajian kami bagi tempoh tersebut.

Nama : Zaleha binti Fadzil & Azman bin Ariffin
Institut : JPIM, Institut Perguruan Batu Lintang
Fokus Kajian : Meningkatkan Amalan Bersopan-Santun: Ucapan Terima Kasih

Bil	Langkah	Perkara	Tanda (/)
1.	Langkah 1	Pemerhatian awal pengkaji mengikut zon.	/
2	Langkah 2	Pengkaji masuk kelas kali pertama, selepas memberi ucap selamat dan bertanya kabar secara ringkas, lima minit sebelum memulakan sesi p&p, pengkaji cuba mengenali atau mengetahui tentang latar belakang pelajar terlebih dahulu. Mengikut Model Assure iaitu ; A : Analysis Learner, S : State objective, S : Select Media, U : Utilities, R : Reflection, E : Evaluation. Pensyarah hanya menggunakan bahagian A : Analysis Learner sebagai persediaan untuk memulakan pengajaran, persediaan hasil pembelajaran dan proses p&p selanjutnya. Business card ini juga berguna sebagai alat mengawal kelas. Pensyarah membahagikan sehelai kertas pendua bersaiz A4 kepada setiap pelajar dan mengarahkan setiap pelajar membahagikan kertas A4 kepada 2.	/
3	Langkah 3	Pensyarah menerang dan menunjukkan beberapa contoh <i>business card</i>	

		Pensyarah meminta guru pelatih membuat satu <i>business card</i> daripada kertas yang dibekalkan tadi. Perkara yang perlu dimasukkan dalam <i>business card</i> ialah: Nama, No.Kad Pengenalan, Amalan nilai –nilai murni yang dia ketahui –Bahagian A dan Amalan yang sering amalkan- Bahagian B	/
4	Langkah 4	Pensyarah memberikan masa selama 5 minit untuk guru pelatih menyiapkan dan selepas itu menerangkan kepentingan amalan-amalan nilai murni termasuklah ucapan berterima kasih.	/
5	Langkah 5	Pensyarah telah berinteraksi dari masa ke semasa dengan guru pelatih supaya dapat mewujudkan hubungan awal antara pensyarah-murid. Ini akan membina kepercayaan dan kemesraan sebelum memulakan proses p&p selanjutnya.	/
6	Langkah 6	Pensyarah meminta guru pelatih melukis tentang amalan berterima kasih dan menyerahkan lukisan yang telah siap untuk dikumpulkan minggu hadapan. Pensyarah menayangkan satu persatu lukisan yang telah dipindahkan ke dalam bentuk fail jpeg dan disusun dalam MS PowerPoint dan mempamerkan kepada kelas sebagai sesi penghayatan bersama pelajar.	/
7	Langkah 7	Pensyarah meminta guru pelatih menulis karangan tentang amalan nilai murni khususnya berterima kasih dan menyerahkan karangan yang telah siap untuk dikumpulkan. Pensyarah membaca satu persatu karangan dan merumuskan kandungannya dan kemudian membincangkan tentang nilai murni dengan kelas sebagai sesi penghayatan bersama.	/
8	Langkah 8	Pensyarah akan memanggil partisipan seorang demi seorang untuk ditemubual tentang lukisan yang mereka dihasilkan.	Tidak dapat dilaksana nakan-diubah kpd soal t/bual
9	Langkah 9	Pengkaji membuat temubual semula dengan pensyarah yang terlibat dengan partisipan dan kemudian membuat pemerhatian semula tentang amalan ini.	
10	Langkah10	Menganalisis Data dan Menulis laporan kajian.	/

Rajah 6. Senarai semak pemerhatian untuk memantau tindakan

Dalam kajian ini, pengkaji telah cuba melaksanakan beberapa langkah bagi melihat tahap amalan ini pada peringkat permulaan yang mana partisipan kurang mengamal dan merasakan kurang penting amalan ini diamalkan. Peringkat kedua melibatkan situasi di mana setelah beberapa teguran dan nasihat diberikan dan menyedarkan mereka betapa penting sebagai seorang pendidik amalan ini diamalkan. Dapatkan awal menunjukkan bahawa partisipan memahaminya dan kemudian mula merasakan amalan ini penting dan mereka melahirkannya melalui karangan, hasilan lukisan dan amalan harian.

Tindakan lain yang diperkenalkan dalam kajian ini ialah kad business seperti yang ditunjukkan pada Rajah 7.

Nama:

No.Kad Pengenalan:

Bahagian A - Amalan nilai-nilai murni yang anda ketahui	Bahagian B - Amalan nilai-nilai murni yang anda sering amalkan

Rajah 7. Kad business

Bagi kami, kefahaman perbezaan jenis nilai memberikan penjelasan tentang pegangan nilai antara individu, peraturan-peraturan yang termaktub atau nilai-nilai sejagat. Melalui teori-teori, kita dapat melihat perbezaan pandangan manusia dalam membuat penilaian tindakan masing-masing daripada pelbagai asas. Ini selaras dengan teori yang dikemukakan oleh Bandura. Mengikut teori Bandura, pentafsiran moral adalah merupakan keputusan sosial yang dibuat atas beberapa faktor. Piawaian penilaian moral adalah berdasarkan kepada pengajaran moral, contoh dan pengalaman yang dilalui akibat satu-satu tindakan. Pendedahan kepada model-model yang berbeza akan mengubah pentafsiran moral dalam beberapa cara. Ini adalah kerana model mendatangkan idea-idea dan cita rasa, menekankan kepentingan setengah-setengah isu dan menyediakan justifikasi untuk setengah-setengah tindakan. Teori pembelajaran sosial seharusnya diberi perhatian serius. Ini kerana teori ini menekankan

kepentingan peranan ibu bapa, rakan sebaya dan guru pendidikan moral khususnya dalam pembelajaran nilai-nilai moral. Justeru, pengenalan kad business dapat membantu ke arah tersebut.


Tindakan kami yang seterusnya melibatkan pengkaji kedua yang meminta partisipan melukis poster tentang amalan terima kasih dalam tempoh seminggu (April 2007). Ini untuk mengukuhkan dan mencorak amalan nilai berterima kasih. Aktiviti ini dijangkakan dapat membentuk penaakulan dan emosi moral partisipan kepada amalan nilai terima kasih serta memadai bagi membentuk tingkah laku moral mereka sepanjang tempoh kajian. Menurut prinsip Eksistenisme: "Pendidikan dan matlamat mencorakkan individu dan memberi kesedaran tentang kelakuan mulia". Untuk aktiviti ini, pengkaji telah memberi taklimat tentang perlaksanaan terlebih dahulu supaya partisipan dapat memenuhi kehendak pengkaji. Partisipan telah menghasilkan poster-poster yang dikehendaki. Aktiviti ini memberi kesan kepada penaakulan dan emosi moral partisipan. Malah, tingkah laku mereka terhadap amalan terima kasih selepas itu juga diperhatikan berubah dan meningkat.

Pengkaji kedua membuat satu lagi aktiviti sebulan kemudian (di samping aktiviti amalan 5-10 minit semasa p&p diteruskan) bagi meneruskan proses penaakulan dan emosi terhadap amalan nilai terima kasih. Aktiviti tersebut ialah menulis esei. Partisipan dikehendaki menulis esei bertajuk **Amalan Berterima Kasih**. Pengkaji kedua telah memberi penerangan terlebih dahulu. Partisipan diberi tempoh dua minggu untuk menyiapkan esei masing-masing. Sebagai rumusan, partisipan telah menulis tentang pentingnya amalan terima kasih dan menghargai guru. Partisipan boleh menggambarkan penghargaan dan terima kasih dalam pelbagai bentuk selain ucapan semata-mata seperti memberi hadiah, bermanis muka, mematuhi arahan dan larangan serta belajar dengan bersungguh-sungguh.

DAPATAN KAJIAN

Setelah partisipan menghantar hasil-hasil lukisan mereka, kami dapat melalui lukisan yang dihasilkan, mereka melukis dengan penghayatan masing-masing menggunakan pelbagai lambang dan simbol yang penuh makna. Kami merakamkan poster-poster ini dalam bentuk gambar agar kelihatan lebih menarik dan dimasukkan ke dalam PowerPoint untuk tindakan kami selanjutnya. Gambar-gambar berikut (1 hingga 16) merupakan hasil lukisan poster pelajar-pelajar berkenaan.







Gambar 1-16. Poster yang dihasilkan pelajar PPISMPMT

Kami juga mengambil tindakan selanjutnya sebagai latihan, pelaziman dan pengulangan amalan nilai berterima kasih dengan mempamerkan semula hasil lukisan mereka yang telah ditukarkan ke format jpeg menggunakan PowerPoint selepas enam bulan. Selepas itu, mereka diberi borang temubual meminta mereka menghuraikan maksud tersirat di sebalik lukisan mereka dan lambang-lambang yang mereka telah gunakan.

Berikut adalah antara catatan partisipan mengenai amalan berterima kasih.

“Salah satu cara berterima kasih untuk membala budi guru ialah belajar bersungguh-sungguh” (Danish/Borang Temubual, 25/10/2007).

“.... amalan berterima kasih ini haruslah disemai dalam kalangan kanak-kanak semasa mereka kecil lagi” (Marrissa/Borang Temubual, 25/10/2007).

“Orang yang berpendidik(sic) adalah orang yang mempunyai amalan berterima kasih....” (Christopher/Borang Temubual, 25/10/2007)

“Amalan berjabat tangan melambangkan tanda penghargaan atau berterima kasih atas pemberian daripada pihak lain. (Angelo/Borang Temubual, 25/10/2007)

Berikut pula adalah maksud bagi lambang-lambang yang telah mereka gunakan dalam lukisan masing-masing bagi melahirkan terima kasih.

“...warna hijau melambangkan warna yang harmoni dalam amalan berterimakasih.” (Angelo/Borang Temubual, 25/10/2007)

“hati = perasaan berterima kasih/ warna orange = perasaan senang, gembira” (Christopher/Borang Temubual, 25/10/2007)

*“Biru – Perpaduan
Hijau – Alam sekitar
Kuning – Harmoni
Putih – Suci”* (Robert/Borang Temubual, 25/10/2007)

“... latar belakang putih.... Maknanya, amalan berterima kasih ini adalah amalan yang mulia dan harus diamalkan dari semasa ke semasa”. (Marrisa/Borang Temubual, 25/10/2007).

RUMUSAN

Berdasarkan hasil kajian, dapatlah dirumuskan bahawa pelajar-pelajar kumpulan ini merupakan pelajar-pelajar yang baik dari segi tingkah laku dan sahsiah tetapi kurang dititik berat dan diingatkan tentang nilai ‘berterima kasih’ ini. Pada peringkat awal kajian, didapati mereka agak janggal apabila ditegur oleh pengkaji. Namun, setelah diberi penerangan tentang kepentingannya kajian ini, mereka memberi respons yang positif dan mula menunjukkan amalan nilai murni ini. Oleh itu, dapatlah disimpulkan bahawa pelajar-pelajar perlu juga diingatkan selalu tentang amalan nilai murni dan pensyarah sebagai pendidik guru perlu peka terhadap kehendak ini.

BIBLIOGRAFI

- Janusz, Sharon. (tiada tarikh). Kant’s Moral Theory. Dimuat turun pada 2 Julai 2001 dari <http://cs.cca.cccoes.edu/phil112/Kant.htm>
- Mill, J.S. (tiada tarikh). Utilitarianism. Dimuat turun pada 1 Julai 2001 dari <http://www.utilitarianism.com/mill1.htm>
- Power et al. (2000). A summary of Lawrence Kohlberg’s stages of moral development. Dimuat turun pada 2 Julai 2001 dari <http://www.nd.edu/~rbarger/kohlberg.html>
- Ross, W.D. (1992). *Prima Facie Duty in Great Traditions in Ethics*. (Ed. ke 7). Belmont: Wadsworth.
- Ross, W.D. (tiada tarikh). W. D. Ross’s Moral Theory. Dimuat turun pada 30 Jun 2001 dari <http://www.hu.mtu.edu/~tlockha/hu329ov8.htm>
- Roszali Salleh. (tiada tarikh). Teori kebaikan dalam etika. Dimuat turun pada 1 Julai 2001 dari <http://members.tripod.com/~payung/etika.htm>
- Sidi, I.P.S & Setiadi, B.N. (tiada tarikh). Manusia Indonesia Abad 21 yang Berkualitas Tinggi Ditinjau Dari Sudut Pandang Psikologi. Dimuat turun pada 3 Julai 2001 dari <http://www.himpsi.org/Makalah%2005.htm>

Universiti Utara Malaysia. (1992). Nilai moral dan etika. Dimuat turun pada 1 Julai 2001 dari <http://www.uum.edu.my/ppp/etika3043.htm>